

**KESEDIAAN INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA
DALAM MENERIMA KEHADIRAN PELANCONG
DARI GOLONGAN OKU**

KAJIAN KES DI TAMAN NEGARA TANJUNG PIAI DAN TAMAN NEGARA KUKUP

NOR HAIRUL BIN PALAL

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan)

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

ABSTRAK

Industri pelancongan di Malaysia semakin berkembang maju, namun bukan semua golongan dapat menikmati kemudahan pelancongan yang ada. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) masih ketinggalan untuk menikmati kemudahan di dalam industri pelancongan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesediaan industri pelancongan di Malaysia dalam menerima kehadiran pelancong OKU. Kajian ini telah menjadikan Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Kukup sebagai lokasi kajian kes. Melalui kajian ini isu yang difokuskan merujuk kepada tiga aspek iaitu keperluan kemudahan bagi OKU di dalam industri pelancongan di Malaysia dan di Taman Negara, potensi industri pelancongan terhadap golongan OKU dan faktor pemilihan destinasi pelancongan oleh OKU. Bagi memantapkan kajian, penggunaan teknik kualitatif telah digunakan dengan melibatkan sampel kajian seramai 21 orang. Responden ini telah dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kumpulan perancang, kumpulan pelaksana, kumpulan sokongan dan kumpulan pengguna. Kesemua responden ini mewakili pelbagai jabatan kerajaan, swasta dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan golongan OKU. Pungutan data dan maklumat bagi kajian ini adalah dengan melakukan sesi temubual tidak berstruktur. Data-data temubual dianalisis secara manual dalam bentuk perihal mengikut aspek-aspek yang dikehendaki. Hasil kajian menunjukkan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh golongan OKU dalam menjalani aktiviti pelancongan terutama di lokasi kajian iaitu di Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Kukup. Selain itu, menurut hasil kajian mengenai potensi pelancongan OKU, taman negara mempunyai potensi untuk menjadi destinasi pelancongan OKU apabila kemudahan yang diperlukan dapat disediakan sepenuhnya.

ABSTRACT

Tourism industry in Malaysia is progressing tremendously, however not all Malaysian can get benefit from it especially the disabled. Facilities provided in tourism industry for the disabled are still lacking. Thus, this research is conducted to see how the tourism industry in Malaysia can accept and cope with the disabled tourists. For this research, Tanjung Piai National Park and Kukup National Park are used as the location. The main focus for the case study covered three aspects. The three aspects are the needs for the disabled in Malaysia tourism industry and National Park, potential of tourism industry for the disabled and factors influencing at tourism destination for the disabled. Qualitative technique is used with 21 people as sample to support the case study. Respondents are divided into 4 groups which consist of the planner, the execution, supporting and the disabled group. All respondents come from government and private sectors, also individuals who directly or indirectly involved with the disabled. Data collection and information for the case study are done through non structural interviews, data for the interview is analysed manually and adhered to aspects needed. The outcome of the case study showed many facilities especially in the location of case study which is Tanjung Piai National Park and Kukup National Park. Besides, the outcome of the research showed that the National Park has a potential to be a disabled tourist destination when facility needs could be fully provided.